


# ANALISIS DATA KUANTITATIF DALAM KAJIAN PEMBINAAN


 Except where otherwise noted, this work is licensed under  
<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>

<http://rosseni.wordpress.com>; [rosseni@yahoo.com](mailto:rosseni@yahoo.com); [rosseni@ukm.my](mailto:rosseni@ukm.my)





Attribution-NonCommercial-NoDerivs 3.0 Unported


**You are free:**

 **to Share** — to copy, distribute and transmit the work

**Under the following conditions:**

 **Attribution** — You must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work).

 **Noncommercial** — You may not use this work for commercial purposes.

 **No Derivative Works** — You may not alter, transform, or build upon this work.

**With the understanding that:**

**Waiver** — Any of the above conditions can be **waived** if you get permission from the copyright holder.

**Public Domain** — Where the work or any of its elements is in the **public domain** under applicable law, that status is in no way affected by the license.

**Other Rights** — In no way are any of the following rights affected by the license:

- Your fair dealing or **fair use** rights, or other applicable copyright exceptions and limitations;
- The author's **moral** rights;
- Rights other persons may have either in the work itself or in how the work is used, such as **publicity** or privacy rights.

**Notice** — For any reuse or distribution, you must make clear to others the license terms of this work. The best way to do this is with a link to this web page.

This is a human-readable summary of the Legal Code (the full license). [Disclaimer](#)

Rossen Din. 2010. Manuskrip Analisis Data Kuantitatif dalam Kajian Pembinaan.  
Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

# **BAHAGIAN I**

## **ANALISIS DATA MUDAH MENGGUNAKAN SPSS**

<http://rosseni.wordpress.com>; [rosseni@yahoo.com](mailto:rosseni@yahoo.com); [rosseni@ukm.my](mailto:rosseni@ukm.my)

# **BAB 1**

# **PENGENALAN**

## **PENDAHULUAN**

**SPSS** ialah sebuah perisian yang digunakan untuk menganalisis data penyelidikan yang telah siap ditadbir dan dikumpulkan. Sebelum kita memulakan proses penganalisan data menggunakan SPSS, ada baiknya jika kita membincangkan secara ringkas bagaimana data kajian yang akan dianalisis ini mula-mula direka bentuk. Ini adalah kerana, reka bentuk kajian mempunyai implikasi terhadap data yang akan kita masukkan ke dalam perisian SPSS ini. Sebelum itu sedikit-sebanyak mengenai maksud statistik perlu diketahui.

## **APAKAH ITU STATISTIK?**

Statistik merupakan satu cabang ilmu yang diperoleh dari data. Ia merangkumi segalanya dari (i) perancangan untuk mengumpul data, (ii) pengurusan data semasa dan selepas mengumpul data hinggalah ke (iii) aktiviti seperti membuat kesimpulan dari fakta numerik dan persembahan dapatan dari data yang telah dianalisis. Statistik adalah berhubung rapat dengan fitrah manusia yang ingin tahu sesuatu dalam ketidakpastian.

## **PENTING DAN PERLUKAH STATISTIK?**

Data merupakan apa yang boleh kita peroleh dan simpan. Data menjadi maklumat apabila ia diolah sehingga mampu menyelesaikan sesuatu maklumat. Maklumat menjadi fakta apabila data yang diperoleh dapat menyokong maklumat tersebut. Fakta seterusnya menjadi ilmu apabila pengetahuan mengenainya digunakan untuk proses membuat keputusan.

## **KONSEP ASAS**

Beberapa konsep asas mengenai beberapa istilah perlu diketahui sebelum ke aktiviti pemasukan data. Antara istilah-istilah penting yang perlu ketahui disenaraikan seperti berikut dengan definisinya:

### **Populasi:**

Satu koleksi entiti yang menjadi tumpuan kajian kita. Misalnya, dalam satu kajian yang menggunakan soal selidik yang dilampirkan dalam buku ini populasi yang digunakan adalah pelajar-pelajar Tahun 3 di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Sampel:**

Sebahagian atau sub-set daripada populasi. Misalnya dari populasi pelajar Tahun 3 di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar-pelajar dari program Sains.

**Data:**

Data merupakan bahan atau unit asas dalam statistik. Data boleh diperoleh dalam bentuk ukuran atau bilangan. Contoh data dalam bentuk ukuran adalah suhu, ukuran tinggi, ukuran berat, markah pencapaian pelajar dan sebagainya. Data dalam bentuk bilangan boleh diperoleh melalui rekod sekunder atau melalui soal selidik atau eksperimen.

**Pembolehubah:**

Umumnya jika ciri-ciri yang ingin dikaji misalnya ciri-modul yang memudahkan pemahaman pelajar adalah berbeza dalam kalangan pelajar-pelajar atau sekumpulan responden yang dikaji maka ciri-ciri tersebut mewakili satu pembolehubah. Dalam contoh ini pembolehubah bagi modul yang memudahkan pemahaman pelajar mempunyai 9 ciri-ciri iaitu (i) mudah (ii) langkah-demi-langkah (iii) latihan-formatif (iv) analogi

(v) bergambar (vi) *softcopy* (vii) *hardcopy* (viii) multimedia (ix) latihan-sumatif. Bidang statistik berkisar tentang pembolehubah. Pelbagai perisian atau alat statistik yang wujud hari ini adalah bertujuan untuk melihat perkaitan antara pembolehubah.

### **Jenis-jenis Pembolehubah**

Terdapat beberapa jenis pembolehubah seperti mana yang dijelaskan dalam bahagian seterusnya.

- (i) ***Pembolehubah kuantitatif:*** satu istilah yang digunakan untuk menerangkan ciri-ciri sesuatu yang boleh diukur misalnya berat, tinggi, suhu dan sebagainya.
- (ii) ***Pembolehubah kualitatif:*** satu istilah yang digunakan untuk menerangkan ciri-ciri sesuatu yang TIDAK boleh diukur misalnya agama, jantina, bangsa, kaum dan sebagainya.
- (iii) ***Pembolehubah diskrit:*** satu istilah yang digunakan untuk sesuatu yang boleh diwakili oleh nombor integer seperti bilangan anak, bilangan rumah, bilangan pelajar yang membuat pendaftaran awal dan sebagainya.



- (iv) ***Pembolehubah berterusan***: mewakili satu nilai dalam sesuatu skala atau interval pengukuran seperti tinggi, berat atau nilai ukuran tekanan darah.

## **PENGUKURAN DAN SKALA PENGUKURAN**

Pengukuran ialah pengumpulan angka kepada sesuatu objek atau acara berdasarkan satu set peraturan. Umumnya, terdapat empat jenis skala pengukuran iaitu *nominal*, *ordinal*, *interval* dan *ratio* atau nisbah.

***Nominal***: klasifikasi data kepada kategori tertentu yang tiada nilai sepunya misalnya mengkategorikan responden mengikut kategori tertentu misalnya mengikut:

- (i) Jantina : perempuan dan lelaki.
- (ii) Bangsa : Cina, Melayu, India dan Lain-lain
- (iii) Status : Bujang atau Sudah Berkahwin

Data nominal adalah ukuran yang paling sederhana, dimana angka yang diberikan kepada objek mewakili satu label sahaja, dan tidak menunjukkan sebarang peneringkatan. Misalnya perempuan diberi nilai=1 manakala lelaki=2. Angka-angka ini tidak boleh

dimanipulasikan lagi hanya sekadar member makna bahawa data yang diisi dengan nilai 1 mewakili jantina perempuan.

**Ordinal:** Pada asasnya sama seperti nominal tetapi wujud pemeringkatan yang penting dan harus diambilkira misalnya:

- (i) Gred Akhir: Cemerlang, Sederhana, Gagal
- (ii) Saiz Baju : XXXL, XXL, XL, L, M, S, XS, XXS

Data ini, diwakili oleh nama atau atribut yang memiliki pemeringkatan atau urutan. Angka, huruf atau label yang diberikan mengandungi pemeringkatan. Ia digunakan untuk mengurutkan objek dari yang paling rendah sehingga yang paling tinggi atau sebaliknya. Ukuran ini tidak memberikan nilai absolut terhadap objek, tetapi hanya memberikan peringkat sahaja.

Bagi sesuatu pembolehubah yang diberi nilai pemeringkatan misalnya 1, 2, 3, 4, 5 dan seterusnya; bila dinyatakan dalam skala, maka jarak antara satu data dengan yang lain adalah tidak sama. Data ini hanya akan memiliki urutan mulai dari yang paling tinggi hingga yang paling rendah atau sebaliknya. Jika menggunakan skala Likert maka pemeringkatan data mungkin dari sangat setuju, setuju, agak setuju, tidak setuju hinggalah sangat tidak setuju. Alat analisis untuk menguji pertalian

menggunakan statistik nonparametrik yang lazim digunakan untuk data ordinal adalah Spearman Rank Correlation dan Kendall Tau.

**Interval:** Data yang boleh diatur mengikut sesuatu pemeringkatan dengan jarak yang sama antara satu ukuran dengan yang sebelum atau selepasnya dan seterusnya bagi membolehkan pengiraan dibuat. Dalam kata lain, jarak antara satu pengukuran dengan yang lain boleh diukur walaupun antara yang pertama dan kedua atau kedua dan ketiga tidak semestinya pada darjah pemeringkatan yang betul-betul sama. Misalnya ukuran suhu bilik pada suhu  $25^{\circ}$  dan  $35^{\circ}$ . Data-data ini merupakan data interval kerana wujud (i) pemeringkatan iaitu  $25^{\circ}$  lebih rendah dari  $35^{\circ}$  dan (ii) pengiraan perbezaan antara dua suhu tersebut boleh dibuat iaitu suhu  $25^{\circ}$  lebih rendah dari  $35^{\circ}$  sebanyak  $10^{\circ}$ .

**Ratio:** Data yang ada pemeringkatan dan boleh diukur dari aspek nisbah dan *interval* iaitu jarak antara dua ukuran. Terdapat kiraan sifar yang nyata. Misalnya tinggi Ariff 80cm dan tinggi Ummi 160cm dari titik ketinggian 0cm. 80cm adalah kurang dari 160cm (ada pemeringkatan) dan beza antara dua ukuran ini adalah

80cm (boleh diukur). 160cm adalah dua kali ketinggian 80cm.

## **PENGENALAN KEPADA SPSS WINDOWS**

Data yang dikumpul melalui instrumen seperti soal selidik perlu diproses untuk memberi makna. Terdapat beberapa pakej statistik untuk tujuan ini misalnya SPSS iaitu *Statistical Package for Sosial Science* atau SAS iaitu *Statistical Analysis System*. Contoh yang digunakan untuk perbincangan dalam buku ini ialah SPSS.

*SPSS for Windows* menyediakan alat menganalisis statistik yang sangat berguna. Data boleh dimanipulasi dalam satu sistem pengurusan data bergrafik menggunakan menu deskriptif dan kotak dialog mudah untuk melaksanakan kerja-kerja atas arahan pengguna. Segala arahan boleh dilaksanakan hanya dengan menggunakan klik tetikus. Langkah-langkah yang perlu untuk menganalisis data menggunakan SPSS adalah seperti berikut:

1. Beri definisi kepada semua pembolehubah terlibat bagi setiap item dalam soal-selidik.
2. Masukkan data ke dalam perisian SPSS melalui Data Editor.

3. Pilih satu prosedur dari menu samada prosedur membuat graf atau prosedur menganalisis data bergantung kepada kehendak kajian anda.
4. Pilih pembolehubah. Pastikan prosedur yang dipilih sesuai untuk pembolehubah tersebut. Pembolehubah kesemuanya akan ditunjukkan dalam kotak dialog. Anda hanya perlu pilih dan klik masuk pembolehubah ke dalam kotak dialog yang berkenaan.
5. Jalankan prosedur dengan mengklik ok. Keputusan akan ditunjukkan dalam OUTPUT VIEWER dalam bentuk carta, statistik deskriptif atau statistik inferensi.
6. Buat kesimpulan berdasarkan output yang diberi.

### **PEMASUKAN DATA KE DALAM PERISIAN STATISTIK**

Data yang akan kita masukkan menggunakan SPSS dalam penulisan ini merupakan respons terhadap soal-selidik MINT versi 8.1 seperti yang dilampirkan dalam Lampiran 1. Ada juga contoh-contoh dari versi terdahulu dalam contoh yang diberikan. Sebilangan soalan dalam soalselidik ini mungkin nampak seperti berulang tetapi

responden telah diminta untuk mengambil kira dan menjawab kesemua soalan secara individu.

Kajian ini bertujuan mengukur samada wujud pembelajaran bermakna apabila kursus melalui kaedah konvensional secara bersemuka dengan kombinasi bahan-bahan yang diakses dari portal pembelajaran diintegrasikan dengan sebarang pelantar komunikasi berperantara komputer seperti e-mel, e-group, YM, MSN, Skype, blogs dan pelbagai sistem untuk rangkaian sosial seperti *Friendster*, *Myspace*, *Fotopages*, *Tweeters* dll. Responden diminta untuk menjawab semua soalan secara jujur dan teliti. Dapatan kajian akan digunakan untuk menyediakan satu model pembelajaran yang memanfaatkan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran untuk penyampaian kursus-kursus khususnya di Universiti Kebangsaan Malaysia pada masa hadapan.

Soalselidik terdiri daripada empat bahagian. Bahagian A bertujuan untuk memperoleh data demografi. Bahagian B untuk melihat sejauhmana kursus yang mengintegrasikan komputer menggunakan komunikasi berperantarakan komputer boleh mewujudkan pembelajaran bermakna. Bahagian C bertujuan mengukur penerimaan responden terhadap

kursus yang dilaksanakan secara e-pembelajaran hibrid. Bahagian D bertujuan mengukur kepelbagaian gaya pembelajaran responden. Jadual 1.1-1.3 menunjukkan taburan item dan konstruk bagi setiap bahagian soalan selidik.

Jadual 1.1 Kandungan Skala Pengukuran Instrumen  
Bahagian B: Pembelajaran Bermakna

<b>ID Item</b>	<b>Jumlah Item</b>	<b>Konstruk</b>
B01 - B04	4	<i>Cooperation</i> (Kerjasama)
B05 - B09	5	<i>Activity</i> (Aktiviti)
B10 – B13	4	<i>Authenticity</i> (Autentik)
B14 – B16	3	<i>Construction</i> (Konstruktif)
B17 – B22	6	<i>Intentionality</i> (Bertujuan)
Jumlah Item = 22		

Jadual 1.2 Kandungan Skala Pengukuran Instrumen  
Bahagian C: Pembelajaran Hibrid

<b>ID Item</b>	<b>Jumlah Item</b>	<b>Konstruk</b>
C01 - C06	6	<i>Content</i> (Kandungan)
C07 – C12	6	<i>Delivery</i> (Penyampaian)
C13 – C18	6	<i>Service</i> (Perkhidmatan)
C19 – C24	6	<i>Outcome</i> (Hasil)
C25 – C35	11	<i>Structure</i> (Struktur)
Jumlah Item = 35		



Jadual 1.3 Kandungan Skala Pengukuran Instrumen  
Bahagian D: Gaya Pembelajaran

<b>ID Item</b>	<b>Jumlah Item</b>	<b>Konstruk</b>
D01 - D05	5	<i>Visual</i> (Visual)
D06 – 10	5	<i>Auditory</i> (Auditorii)
D11 – D15	5	<i>Kinesthetic</i> (Kinestetik)
D16 – D20	5	<i>Tactual</i> (Taktual)
D21 – D25	5	<i>Group</i> (Berkumpulan)
D26 – D30	5	<i>Individual</i> (Bersendirian)
Jumlah Item = 30		

# **BAB 2**

# **PENYEDIAAN**

# **DATA**

## **PENDAHULUAN**

Penyediaan fail data untuk analisis melibatkan beberapa langkah. Ia merangkumi proses (i) mencipta senarai kod data sekaligus mendefinisikan pembolehubah (*variable*), (ii) mencipta fail data (ii) memasukkan data. Fail data yang telah dimasukkan data ini seterusnya perlu disemak dan dibetulkan jika ada sebarang kesalahan. Seterusnya data perlu dibersihkan.

## **MENYEDIAKAN SENARAI KOD DATA**

Penyediaan senarai kod data memudahkan anda memindahkan maklumat yang diperoleh daripada setiap responden melalui soalselidik yang telah diisi kepada format atau bahasa yang boleh difahami oleh SPSS. Untuk mula membuat senarai kod data, rujuk soalselidik MINT 8.1. Setiap item atau soalan pada soalselidik merupakan satu *variable* atau pembolehubah misalnya UMUR, JANTINA, PENGALAMAN dan sebagainya.

Bagi soalan-soalan atau item-item yang membentuk satu konstruk atau skala pengukuran pula seperti KERJASAMA, AUTENTIK atau KONSTRUKTIF,

*variable* atau pembolehubah dalam bentuk singkatan boleh digunakan. Misalnya untuk soalan-soalan atau item-item yang membentuk skala pengukuran bagi kerjasama (6 item semuanya) dalam soalselidik bahagian B, nama pembolehubah seperti B01-B06 boleh diberikan. Jadual 2.1 menunjukkan contoh senarai kod data bagi kajian ini.

Jadual 2.1 Senarai Kod Data Bagi Soalselidik MINT Versi 8.1

<b>PEMBOLEHUBAH DARI SOALSELIDIK</b>	<b>KOD/NAMA PEMBOLEH UBAH SPSS</b>	<b>ARAHAN KODING</b>
Nombor Pengedalan	ID	Nombor yang diberi pada setiap soalselidik
Kelulusan Akademik	akademik	1 = Sarjana Muda 2 = Sarjana
Jantina	jantina	1 = Lelaki 2 = Perempuan
Bangsa	bangsa	1 = Melayu 2 = Cina 3 = India 4 = Lain-lain

---

Umur	umur	1 = Kurang 16 tahun 2 = 16 – 20 tahun 3 = 21 – 25 tahun 4 = 26 – 30 tahun 5 = lebih 30 tahun
Pengalaman Mengajar	pengalaman	1 = Tiada atau kurang dari setahun 2 = 1 - 3 tahun 3 = Lebih dari 3 tahun
Negara Asal	asal	1 = Malaysian Timor 2 = Semenanjung Malaysia 3 = Brunei 4 = China 5 = Indonesia 6 = Lain-lain
Program Pengajian	program	1 = TESL 2 = Sains 3 = Sukan 4 = Kas 5 = PIPAQ 6 = Lain-lain
Item-item bahagian B yang membentuk Skala KERJASAMA	b01 - b04	1= pertama dari kiri 2= kedua dari kiri 3= ketiga dari kiri

---

Item-item bahagian B yang membentuk Skala AKTIVITI	b05 - b09	1= pertama dari kiri 2= kedua dari kiri 3= ketiga dari kiri
Item-item bahagian B yang membentuk Skala AUTENTIK	b10 – b13	1= pertama dari kiri 2= kedua dari kiri 3= ketiga dari kiri
Item-item bahagian B yang membentuk Skala KONSTRUKTIF	b14 – b16	1= pertama dari kiri 2= kedua dari kiri 3= ketiga dari kiri
Item-item bahagian B yang membentuk Skala BERTUJUAN	b17 – b22	1= pertama dari kiri 2= kedua dari kiri 3= ketiga dari kiri
Item-item bahagian C yang membentuk Skala KANDUNGAN	c01 - c06	1 = Sangat Tidak Setuju 2 = Tidak Setuju 3 = Tidak Pasti 4 = Setuju 5 = Sangat Setuju
Item-item bahagian C yang membentuk Skala PENYAMPAIAN	c07 – c12	1 = Sangat Tidak Setuju 2 = Tidak Setuju 3 = Tidak Pasti 4 = Setuju 5 = Sangat Setuju

---

Item-item bahagian C yang membentuk Skala PERKHIDMATAN	c13 – c18	1 = Sangat Tidak Setuju 2 = Tidak Setuju 3 = Tidak Pasti 4 = Setuju 5 = Sangat Setuju
Item-item bahagian C yang membentuk Skala HASIL	c19 – c24	1 = Sangat Tidak Setuju 2 = Tidak Setuju 3 = Tidak Pasti 4 = Setuju 5 = Sangat Setuju
Item-item bahagian C yang membentuk Skala STRUKTUR	c25 – c35	1 = Sangat Tidak Setuju 2 = Tidak Setuju 3 = Tidak Pasti 4 = Setuju 5 = Sangat Setuju
Item-item bahagian D yang membentuk Skala VISUAL	d01 - d05	1 = Sangat Tidak Setuju 2 = Tidak Setuju 3 = Tidak Pasti 4 = Setuju 5 = Sangat Setuju
Item-item bahagian D yang membentuk Skala AUDITORI	d06 – 10	1 = Sangat Tidak Setuju 2 = Tidak Setuju 3 = Tidak Pasti 4 = Setuju 5 = Sangat Setuju

---

---

Item-item bahagian D yang membentuk Skala KINESTETIK	d11 – d15	1 = Sangat Tidak Setuju 2 = Tidak Setuju 3 = Tidak Pasti 4 = Setuju 5 = Sangat Setuju
Item-item bahagian D yang membentuk Skala TAKTUAL	d16 – d20	1 = Sangat Tidak Setuju 2 = Tidak Setuju 3 = Tidak Pasti 4 = Setuju 5 = Sangat Setuju
Item-item bahagian D yang membentuk Skala KUMPULAN	d21 – d25	1 = Sangat Tidak Setuju 2 = Tidak Setuju 3 = Tidak Pasti 4 = Setuju 5 = Sangat Setuju
Item-item bahagian C yang membentuk Skala INDIVIDU	d26 – d30	1 = Sangat Tidak Setuju 2 = Tidak Setuju 3 = Tidak Pasti 4 = Setuju 5 = Sangat Setuju

---

### **PERATURAN MEMBERI NAMA PEMBOLEHUBAH DALAM SPSS**

Seperti yang dibincangkan dalam bahagian sebelum ini, sebelum kita boleh memasukkan data, kita perlu



memberitahu SPSS nama-nama serta kod berkaitan jenis atau ciri-ciri pembolehubah. Nama-nama pembolehubah mestilah:

1. Unik
2. Bermula dengan huruf
3. Tidak mengandungi noktah, ruang atau simbol
4. Tidak mengandungi perkataan yang digunakan oleh SPSS untuk memberi arahan tertentu (all, ne, eq, to, le, by, and, not, or dan sebagainya)
5. Tidak boleh melebihi 64 aksara bagi versi SPSS 12.0 dan tidak melebihi 8 aksara bagi versi yang terdahulu


Perlu diingatkan bahawa pembolehubah pertama dalam sebarang set data seharusnya dikhaskan untuk ID atau pembolehubah bagi menamakan setiap kes atau responden. Dalam kata lain setiap soalselidik perlu diberikan ID. Justeru, sebelum memulakan proses pemasukan data, anda perlu menulis satu nombor yang unik secara berturutan dari soalselidik pertama hinggalah yang terakhir.

Bagi kajian yang akan digunakan dalam penulisan ini terdapat 302 soalselidik. Oleh yang demikian, maka pembolehubah ID adalah nombor dari 1-302. Dengan cara ini, apabila timbul kemusykilan semasa proses menganalisis data kelak, anda mudah untuk kembali menyemak data mentah dari soalselidik tertentu.

### **MENDEFINISI PEMBOLEHUBAH ATAU *VARIABLE***

Setelah membina senarai kod data seperti dalam Jadual 2.1, pembolehubah-pembolehubah ini boleh diisytiharkan kepada perisian SPSS melalui *SPSS Data Editor* (Rajah 2.1). *SPSS Data Editor* ini bersifat “toggle”. Anda boleh mengubah pandangan atau *view* dari “*data view*” ke “*variable view*” hanya dengan mengklik pada salah satu tab di bahagian bawah skrin.

Dalam “*data view*”, setiap kolum berlabel “*var*”. Label-label “*var*” ini perlu digantikan dengan nama-nama pembolehubah yang telah anda tentukan. Seterusnya anda bolehlah mencipta fail data dan mendefinisikan setiap satunya dengan mengikuti langkah-langkah seperti yang disenaraikan dalam bahagian berikut.



Rajah 2.1 Data Editor

## MENCIPTA DAN MENDEFINISI PEMBOLEHUBAH SERTA MENYIMPAN FAIL DATA

### Langkah-Langkah Mencipta Fail Data

1. Klik pada ikon *shortcut* **SPSS** pada *desktop* atau klik

Start → Programs → SPSS for Windows → File →  
New → Data

### Mendefinisi Pembolehubah

1. Masukkan nama *variable* atau pembolehubah seperti senarai dalam Jadual 2.1.
2. Klik variable view
3. Jika anda telah memasukkan pembolehubah, skrin mungkin kelihatan seperti dalam Rajah 2.2.

	Name	Type	Width	Decimals	Label	Values	Missing	Columns	Align
1	ID	Numeric	8	0	No Soal Selidik	None	None	8	Center
2	ACADEMIC	Numeric	5	0	Kelulusan Akad	{1, Degree}...	None	8	Center
3	gender	Numeric	5	0	Jantina	{1, male}...	None	8	Center
4	ETHNIC	Numeric	5	0	Bangsa	{1, malay}...	None	8	Center
5	age	Numeric	5	0	Umur	{1, 10-15 years}	None	8	Center
6	EXPERIENCE	Numeric	5	0	Pengalaman Mengajar	{1, less than 1	None	8	Center
7	COUNTRY	Numeric	5	0	Negeri Asal	{1, East Malay	None	8	Center
8	study	Numeric	5	0	Program Pengajian	{1, TESL}...	None	8	Center
9	b1	Numeric	5	0	Interaksi antara Pelajar	None	None	8	Center
10	b2	Numeric	5	0	Interaksi dengan orang	None	None	8	Center
11	b3	Numeric	5	0	Perundingan Sosial	None	None	8	Center
12	b4	Numeric	5	0	Penerimaan/Agihan Tjjawab	None	None	8	Center
13	b5	Numeric	5	0	Interaksi Pljr dgn Teknologi	None	None	8	Center
14	b6	Numeric	5	0	Pemerhatian dan refleksi	None	None	8	Center
15	b7	Numeric	5	0	Interaksi Pelajar	None	None	8	Center
16	b8	Numeric	5	0	Interaksi Pelajar	None	None	8	Center
17	b9	Numeric	5	0	Lain-lain Penggunaan Tekno	None	None	8	Center
18	b10	Numeric	5	0	Kesukaran	None	None	8	Center
19	b11	Numeric	5	0	Pemikiran Aras Tinggi	None	None	8	Center
20	b12	Numeric	5	0	Mengenal Pasti Masalah	None	None	8	Center
21	b13	Numeric	5	0	Jawapan Betul	None	None	8	Center
22	b14	Numeric	5	0	Percanggahan/Persoalan	None	None	8	Center
23	b15	Numeric	5	0	Pembinaan Makna/MMental	None	None	8	Center
24	b16	Numeric	5	0	Pembinaan Makna/MMental	None	None	8	Center
25	b17	Numeric	5	0	Kerumitan	None	None	8	Center
26	b18	Numeric	5	0	Tetapan Matlamat Kendiri	None	None	8	Center
27	b19	Numeric	5	0	Susunan Pb Kendiri	None	None	8	Center
28	b20	Numeric	5	0	Belajar Cara Belajar	None	None	8	Center
29	b21	Numeric	8	2	Tetapan Matlamat Sbg Fokus	None	None	8	Right
30	b22	Numeric	5	0	penggunaan tek mmnuhi hrpn	None	None	8	Center
31	c1	Numeric	5	0	penggunaan tek sesuai	{1, Strongly Di	None	8	Center

Rajah 2.2. Contoh Skrin dalam *Variable View* Siap didefinisikan

Anda perlu mendefinisikan setiap pembolehubah dengan memberi maklumat pada setiap pembolehubah seperti dalam senarai kod data. Ada maklumat (seperti nama) yang perlu anda berikan manakala ada maklumat yang akan diberikan oleh SPSS sendiri secara lalai (*default*). Nila-nilai yang diberi secara lalai ini boleh diubah jika perlu. Nilai-nilai yang perlu didefinisikan adalah seperti yang tertera pada tajuk kolom atau lajur iaitu nama, *type*, *width*, *decimals*, *label*, *values*, *missing* dan *columns*. Penerangan setiap nilai ini diberikan seperti dalam perenggan berikut.

**Nama:** Bagi kolom **nama**, taipkan nama ringkas seperti dalam senarai kod. Sebaik-baiknya nama ini tidak terlalu panjang walaupun bagi versi 12.0 ke atas anda boleh member nama sehingga 64 aksara. Rujuk peraturan memberi nama pembolehubah seperti yang dibincangkan sebelum ini.

**Type:** Nilai lalai bagi **type** ialah **numeric**. Bagi hampir semua keadaan, numeric sahaja yang diperlukan tetapi mungkin juga wujud keadaan di mana anda perlu memasukkan nilai dalam bentuk huruf maka dalam keadaan ini anda bolehlah menukar nilai type kepada string. Caranya ialah dengan mengklik kanan tetikus

pada sel tersebut. Kotak dengan 3 titik akan dipaparkan dan anda boleh memilih salah satu daripada opsiyen yang diberi.

**Width:** Nilai lalai bagi lebar setiap pembolehubah ialah 8. Anda boleh menukar nilai ini mengikut keperluan misalnya bagi ID, anda pasti responden tidak melebihi seribu dan ID responden yang diberi bermula dengan 1. Maka nilai yang diperlukan hanya 4 atau 3. Bagi pembolehubah yang lain, anda tahu respon adalah 1, 2, 3, 4 atau 5. Respon ini tidak akan melebihi 1 aksara maka anda boleh menukar nilai kepada lebar sebanyak 1 tempat aksara sahaja.

**Decimals:** Nilai lalai bagi titik perpuluhan biasanya diberi sebanyak 2 tempat. Bagi data MINT, ubah kepada 0 kerana nilai respon semuanya dalam bentuk 1, 2, 3, 4 atau 5.

**Label:** Lajur ini membenarkan anda menyediakan penerangan yang lebih terperinci bagi setiap pembolehubah. Label ini akan digunakan pada paparan output. Oleh yang demikian, anda boleh melabelkan misalnya pembolehubah *B01* dengan *Interaksi dengan pelajar*, *B02* dengan *Interaksi dengan Orang Lain*, *B03* dengan *Interaksi Sosial* dan seterusnya.

**Values:** Pada lajur ini, anda boleh memberi definisi mudah mengenai makna setiap nilai yang telah anda gunakan untuk memberi kod pada pembolehubah. Berikut adalah contoh bagi pembolehubah jantina.


1. Dalam **variable view**, pergi ke lajur **values** dan klik pada "... tiga noktah" pada pepenjuru kanan sel. Aktiviti ini akan membolehkan kotak dialog **value label** dibuka.
2. Klik pada kotak yang bertanda **value**. Taip "1".
3. Klik pada kotak yang bertanda **value label**. Taip "Lelaki".
4. Klik **Add**. Anda akan dapat lihat dalam *summary box*: 1=Lelaki
5. Ulang untuk "perempuan": untuk **value** Taip "2" manakala untuk **value label** Taip "Perempuan". Klik **Add**.
6. Apabila selesai memberi definisi kepada semua nilai yang wujud sepertimana yang anda senaraikan dalam buku kod, klik **continue**.



**Missing:** Kadangkala penyelidik mengumpukkan satu nilai tertentu bagi menunjukkan satu nilai yang tidak wujud apabila responden tidak mengisi sebarang jawapan pada soal-selidik. Proses ini sebenarnya tidak perlu kerana SPSS akan mengecam sebarang ruang kosong sebagai data yang tidak diisi atau *missing data*.

**Columns:** Nilai lalai bagi lebar sesuatu lajur telah diset kepada 8 aksara; satu ruang yang agak mencukupi bagi sebarang pembolehubah. Anda boleh menukar lebar ini jika perlu.

### **Langkah-Langkah Menutup dan Menyimpan Fail Data**

Jika anda ingin menutup fail ini, SPSS akan mengajukan soalan samada anda ingin menyimpan fail tersebut. Sungguhpun demikian, SPSS tidak akan menyimpan fail anda secara automatik seperti dokumen WORD. Oleh itu mula-mula sekali elok jika anda menamakan fail baru anda dan klik ikon save  atau klik File → Save as → taip nama fail baru anda

## LATIHAN 1

1. Berikan ID pada setiap soalselidik anda.
  2. Mulakan SPSS dan cipta fail data MINT.
  3. Simpan fail data (walaupun fail belum ada sebarang maklumat)
  4. Masukkan pembolehubah seperti yang didefinisikan dalam senarai kod data sebelum ini.
  5. Mula masukkan data anda.
- Sebaik-baiknya anda bekerja dari pemacu c: dan kemudian setelah siap barulah buat salinan kedua dalam storan lain seperti *pendrive*.
  - Fail extension bagi data fail SPSS akan dimasukkan secara automatic oleh SPSS iaitu *.sav*.

# BAB 3

## MEMBERSIHKAN DATA

## **PENDAHULUAN**

Sebelum sebarang analisis data dilakukan data-data yang diperoleh perlu dibersihkan terlebih dahulu supaya tidak mempengaruhi hasil dapatan kajian yang sedang dilakukan. Ada kemungkinan hasil kajian akan menjadi kurang tepat disebabkan oleh kesalahan pengkaji dalam memasukan data. Pengkaji sepatutnya memahami dengan baik instrumen atau soalselidik yang digunakan untuk memungut data kajian mereka, sama ada instrumen kajian dibina sendiri, atau pun diubahsuai daripada kajian lain. Satu contoh kesilapan yang mungkin dilakukan ialah apabila pengkaji tidak peka dengan instrumen yang digunakan yang mana berkemungkinan di dalam instrumen tersebut terdapat beberapa item negatif yang perlu direkodkan semula sebagai item-item positif selari dengan item-item yang lain. Mungkin juga terdapat item-item yang tersalah dimasukkan data misalnya 1 direkod sebagai 11 atau 111. Jika pengkaji terus melaksanakan analisis dengan kesilapan sebegini, dapatan kajian akan menjadi kurang tepat atau salah sama sekali. Oleh yang demikian adalah penting bagi pengkaji membersihkan terlebih dahulu data-data yang diperoleh sebelum data dianalisis.

## PEMBERSIHAN DATA

Terdapat beberapa cara bagaimana data dapat dibersihkan. Antaranya adalah sepertimana yang dihuraikan seperti berikut:

- a. **Membersihkan data daripada kesilapan ketika memasukan data.** Misalnya, data yang sepatutnya dimasukkan ialah angka 3, tetapi berkemungkinan pengkaji telah tersilap taip lalu memasukkan 33, 34, 43, 32 dan sebagainya. Kesilapan memasukkan data seperti ini, sekiranya tidak dibersihkan terlebih dahulu, pastinya akan mempengaruhi skor keseluruhan yang diperoleh dari sampel kajian. Hasil kajian yang sepatutnya menunjukkan rendah, kemungkinan akan menjadi tinggi. Sebenarnya hasil yang tinggi ini disebabkan oleh kesalahan memasukan data yang tidak dibersihkan.
- b. **Mengekodkan data apabila terdapat pernyataan-pernyataan dalam bentuk negatif dalam instrumen yang digunakan.** Bagi pernyataan negatif, biasanya responden akan cenderung untuk memberikan respons yang rendah. Respons yang rendah ini jika tidak diubah ke dalam bentuk positif, boleh menarik

skor yang lain menjadi rendah. Jadi kemungkinan ia boleh menjejaskan hasil kajian. Hasil kajian yang sepatutnya bagus, kemungkinan akan menjadi sebaliknya, kerana pengkaji terlupa atau tidak melakukan pengkodan semula terhadap pernyataan-pernyataan negatif pada data tersebut.

### **MEMBERSIHKAN DATA DARIPADA *MISSING VALUE*.**

*Missing value* bermaksud, bagi sesuatu pernyataan, soalan atau item dalam soalselidik, tiada respons diberikan oleh responden atau subjek kajian. Sekiranya terlalu banyak pernyataan yang tidak direspons oleh subjek, lebih baik subjek tersebut digugurkan sebagai sampel kajian kerana boleh menjejaskan skor subjek-subjek yang lain. Sekiranya masih boleh lagi diterima kerana hanya ada *missing value* pada beberapa item sahaja, maka beberapa perkara perlu dilakukan melalui dua cara, iaitu dengan mengisi kolum yang mengandungi *missing value* tersebut dengan nilai Min keseluruhan bagisubjek yang terlibat di dalam. Satu lagi cara ialah dengan mengabaikan *missing value* tersebut sekiranya tidak terlalu banyak yang wujud (Pallant 2004).

## TEKNIK MEMBERSIHKAN DATA MENGGUNAKAN SPSS

### A. Membersihkan data daripada kesalahan memasukan data

Membersihkan data (*data cleaning*) menggunakan perisian SPSS daripada kesalahan memasukan data ini dapat dilakukan melalui beberapa cara.

- (i) Pertama, ia boleh dilakukan secara manual, iaitu dengan cara memeriksa data setiap pembolehubah bagi setiap responden atau subjek pada soalselidik yang diisi secara satu demi satu, pada **Data View** yang dipaparkan pada skrin paparan SPSS. Pengkaji perlu meneliti satu demi satu, data-data yang telah dimasukkan ke dalam perisian SPSS. Cara ini sesuai dilakukan sekiranya jumlah data kita tidak terlalu banyak.
- (ii) Sekiranya melibatkan sampel yang ramai, sebaiknya kita memeriksa, menggunakan analisis statistik deskriptif iaitu menggunakan kaedah Frequencies seperti yang ditunjukkan dalam latihan dalam bahagian selanjutnya. Untuk latihan ini kita

Roseni Din. 2010. Manuskrip Analisis Data Kuantitatif dalam Kajian Pembinaan.  
Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.


menggunakan data MINT versi 5.2 yang  
mengandungi 213 kes.

<http://rosseni.wordpress.com>; [rosseni@yahoo.com](mailto:rosseni@yahoo.com); [rosseni@ukm.my](mailto:rosseni@ukm.my)




## LATIHAN 1

1. Buka File Data **MINT 5.2**. Klik Analyze, kemudian klik Frequencies seperti di tunjukkan pada Rajah 3.1 berikut.



Rajah 3.1: Paparan 1 Latihan Frequency Bagi Data MINT  
Versi 5.2


2. Setelah anda mengklik *Frequencies*, paparan seperti dalam Rajah 3.2 akan kelihatan pada skrin komputer seperti berikut.



Rajah 3.2: Paparan 2 Latihan *Frequency* Bagi Data MINT  
Versi 5.2

3. Masukkan semua *variable* atau pembolehubah yang ada dalam kotak di sebelah kiri ke dalam kotak di sebelah kanan bagi Variable(s). Anda akan dapat

melihat paparan pada skrin komputer seperti Rajah 3.3 berikut. Seterusnya klik Ok.



Rajah 3.3: Paparan 3 Latihan Frequency Bagi Data MINT  
Versi 5.2

- Setelah mengklik Ok, bahagian output SPSS akan memaparkan output seperti ditunjukkan sebahagian yang ditunjukkan dalam Rajah 3.4 berikut. Langkah seterusnya, anda perlu perhatikan output tersebut dan mencari di manakah data-data yang telah tersalah masuk. Di bawah ini ditunjukkan tiga nombor data yang didapati telah tersalah masuk, iaitu bagi

item-item C1, C2 dan C3, seperti yang dibulatkan dengan bulatan merah.

		Frequency	Percent	Valid Percent	Percent
Valid	N/A	3	1.4	1.4	1.4
	D	1	.5	.5	1.9
	NA/ND	30	14.1	14.1	16.0
	A	111	52.1	52.1	68.1
	SA	67	31.5	31.5	99.5
	55.00	1	.5	.5	100.0
	Total	213	100.0	100.0	

**C2**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	N/A	3	1.4	1.4	1.4
	D	3	1.4	1.4	2.8
	NA/ND	17	8.0	8.0	10.8
	A	136	63.8	63.8	74.6
	SA	53	24.9	24.9	99.5
	44.00	1	.5	.5	100.0
	Total	213	100.0	100.0	

**C3**


		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	N/A	3	1.4	1.4	1.4
	D	3	1.4	1.4	2.8
	NA/ND	38	17.8	17.8	20.7
	A	122	57.3	57.3	77.9
	SA	46	21.6	21.6	99.5
	33.00	1	.5	.5	100.0
	Total	213	100.0	100.0	

Rajah 3.4: Paparan 4 Latihan Frequency Bagi Data MINT Versi 5.2

Langkah selanjutnya yang perlu dibuat ialah menyemak fail data sekali lagi dan kenal pasti sampel manakah yang telah salah kita masukan. Terdapat dua cara untuk mengenal pasti sampel ini, iaitu cara pertama dengan memeriksa satu demi satu bermula dengan item C1 sehinggalah item terakhir bagi bahagian C. Klik pada kolum C1 kemudian lakukan pemeriksaan pada setiap sampel sehingga bertemu angka yang telah tersalah masuk itu. Langkah yang sama dilakukan pada C2 dan juga C3. Cara kedua ialah dengan menggunakan kaedah Find. Cara kedua ini boleh diikuti seperti dalam Latihan 2 berikut.


## **LATIHAN 2**

1. Buka File Data MINT versi 5.2 sekali lagi. Klik pada mana-mana kolum di bahagian **C1**, kemudian klik menu Edit dan Find seperti ditunjukkan pada Rajah 3.5.



Rajah 3.5: Paparan 1 Latihan FIND - Data MINT Versi 5.2

2. Apabila kita mengklik Find, kita akan nampak pada skrin komputer, paparan seperti dalam Rajah 3.6. Isikan angka, seperti angka yang telah dikenal pasti salah pada C1 tadi. Untuk contoh ini, C1 telah dimasukkan data yang salah iaitu 55. Maka masukan angka 55 ke dalam kotak yang ada pada rajah tersebut, kemudian klik Find Next.




Rajah 3.6: Paparan 2 Latihan FIND - Data MINT Versi 5.2

3. Setelah kita mengklik pada Find Next, maka SPSS akan terus menunjukkan kita kepada nombor yang salah tersebut (lihat Rajah 3.7). Dengan ini, kita akan dapat tahu sampel manakah yang telah kita salah masukkan responnya. Selanjutnya kita perlu membetulkan kesalahan tersebut dengan respon sampel yang sebenar. Untuk mengetahui respon sampel yang sebenar, pengkaji perlu menyemak semula kertas soal selidik asal dengan merujuk kepada ID pada data SPSS yang telah ditaip dan mencari soalselidik yang memiliki ID tersebut.

Langkah yang sama dilakukan untuk melihat data-data yang salah berikutnya.





Rajah 3.7: Paparan 3 Latihan FIND - Data MINT Versi 5.2


## **B. Mengkod Semula Item Negatif**

Untuk meng'kod'kan semula item-item yang negatif ini, langkah pertama yang perlu dilakukan oleh pengkaji adalah mengenal pasti terlebih dahulu item-item negatif yang terdapat di dalam instrumen yang digunakan. Sekiranya instrumen ini dibuat sendiri, tentu tidak terlalu susah bagi pengkaji untuk mengenal pastinya. Sekiranya menggunakan instrumen orang lain, sebaiknya dirujuk semula dengan orang yang membina instrumen tersebut, ataupun di rujuk kepada orang-orang ataupun pakar yang sering menggunakan instrumen berkenaan. Bagi tujuan latihan contoh item negatif yang digunakan masih lagi C1, C2 dan C3.

Proses mengkod semula item negatif ini, bergantung kepada skala yang digunakan. Sekiranya menggunakan skala *likert* lima mata, maka kita akan tukarkan respon 1 menjadi 5 dan respon 5 menjadi 1; Respon 4 menjadi 2 dan respon 2 menjadi 4 manakala respon 3 tidak perlu dikodkan semula kerana respons tersebut berada di tengah-tengah.


### **Langkah-Langkah Mengkodkan Semula Data Menggunakan Perisian SPSS.**

Langkah pertama yang perlu dibuat ialah dengan membuka **File** data terlebih dahulu, kemudian kita bekerja menggunakan **Menu** Transform. Untuk mengkodkan semula data ini, kita boleh mengkodkan pada **kotak yang sama** (into same variables...), dan juga boleh mengkodkan pada kotak yang berasingan (into defferent variables...). Jika kita gunakan into same variables... , hasil pengkodan semula yang kita lakukan akan terus ditukarkan pada kotak yang sama. Kalau kita gunakan into defferent variables.., maka hasil pengkodan semula secara automatik akan dibuat di dalam kotak yang baru. Sekiranya tidak ada keperluan untuk meletakkan hasil pengkodan semula ke dalam kotak yang lain lebih baik digunakan into same variables... seperti ditunjukkan pada Rajah 3.8.



Rajah 3.8: Paparan 1 Latihan Pengkodan Semula Data  
MINT Versi 5.2

Setelah kita mengklik pada *into same variables...* paparan pada skrin komputer gambar yang pertama seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.9 akan kelihatan. Seterusnya kita perlu memasukan item-item negatif yang telah dikenal pasti ke dalam kotak *Variable:* yang terdapat di sebelah kanan. Untuk tujuan latihan, kita boleh menggunakan c1, c2 dan c3. Seterusnya kita perlu mengklik butang *Old and New Values...* hingga kelihatan seperti paparan Rajah 3.9. Seterusnya Klik Ok. Secara automatik, SPSS akan mengubah semua item-item negatif yang kita masukan menjadi item positif.



Rajah 3.9: Paparan 2 Latihan Pengkodan Semula Bagi Data MINT Versi 5.2

# BAB 4

## STATISTIK DESKRIPTIF

